

**SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI**

**PAHANG TAHUN 2018**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ

الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan mematuhi segala perintah serta larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Subhanahu wa-Taala ,**

Alam sekitar merupakan satu nikmat penciptaan daripada Allah Subhanahu wa-Taala yang Maha Agung, yang dikurniakan kepada semua makhluk hidup di dunia ini. Hutan belantara, gunung-ganang, bukit-bukau, sungai dan laut mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri sesuai dengan penciptaannya. Sememangnya tidak dapat disangkalkan lagi bahawa hutan merupakan khazanah alam yang amat tinggi nilainya. Hutan mendatangkan pelbagai impak yang positif kepada masyarakat dan negara. Tanpa hutan kita tidak akan dapat menikmati keindahan panorama yang dapat kita nikmati pada waktu ini.

Islam melarang umatnya melakukan sebarang bentuk kerosakan di atas muka bumi ini, termasuklah kerosakan jiwa, harta benda dan alam sekitar. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Al-Naml ayat 60:

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ

مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا ۗ أَلَمْ يَعْزِمِ اللَّهُ مَعَهُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud: “Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman, kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang Tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid)”.

Ketahuiilah kemusnahan hutan hari ini akibat daripada kerakusan tangan-tangan manusia mengundang kemurkaan Allah Subhanahu wa-Taala. Marilah kita bersama-sama memelihara khazanah hutan supaya ia tidak dicerobohi

sebagai contoh pembalakan haram tanpa segan silu menebang pokok-pokok sehingga hutan menjadi musnah dan bukit menjadi gondol. Inilah antara akibat berlakunya banjir, tanah runtuh dan pencemaran. Lihatlah pencemaran sungai-sungai di negeri Pahang yang keroh dan kotor menyebabkan kita tidak boleh menggunakannya dengan selamat serta mengancam ikan-ikan di sungai. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Abu Daud:

مَنْ قَطَعَ سِدْرَةً فِي فَلَاةٍ يَسْتَتِلُ بِهَا ابْنُ السَّبِيلِ وَالْبَهَائِمُ عِبْنَا وَظُلْمًا بغيرِ حَقٍّ يَكُونُ  
لَهُ فِيهَا صَوَّبَ اللَّهُ رَأْسَهُ فِي النَّارِ

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang menebang pokok di tanah lapang yang menjadi peneduh orang musafir dan haiwan dengan menceroboh secara zalim tanpa hak maka Allah Subhanahu wa-Taala akan membenamkan kepalanya ke dalam api neraka.*

Pelbagai program yang telah dirangka oleh Jabatan Perhutanan demi memastikan sumber alam dan perhutanan dipelihara dan dipulihara dengan sebaiknya. Hari Hutan Antarabangsa yang disambut di seluruh dunia, bagi meningkatkan tahap kesedaran kepada kita semua. Hutan adalah tempat tinggal kehidupan liar, tetapi sekarang telah dimusnahkan oleh kerakusan manusia menyebabkan binatang-binatang liar seperti gajah, harimau, monyet dan lain-lain mengganggu persekitaran kampung dan kawasan perumahan.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Subhanahu wa-Taala,**

Pada kesempatan ini, mimbar ingin mengingatkan bahawa menjadi kewajipan semua pihak untuk memastikan alam sekitar dipelihara dengan sebaiknya. Sebarang perancangan dan cadangan rancangan projek

pembangunan haruslah diteliti dan dikaji setiap kesannya, agar dapat menjaga sistem hidupan serta kegiatan sosio ekonomi masyarakat sekeliling.

Elakkanlah daripada menjalankan aktiviti penerokaan hutan secara haram, pembakaran secara terbuka serta pembuangan sampah yang tidak terkawal di merata-rata tempat. Berusahalah untuk mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agar kita dapat menghindari sifat mazmumah yang boleh mengundang bencana daripada Allah Subhanahu wa-Taala. Ingatlah, semua yang ada di dunia ini merupakan pinjaman daripada Allah Subhanahu wa-Taala, dan kita sebagai khalifah perlu mengurus amanah ini dengan penuh bertanggungjawab, beramanah, beretika, dan bersikap jujur. Marilah kita bersama-sama membanteras segala aktiviti negatif yang menjurus kepada kemusnahan hutan dan alam sekitar.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Subhanahu wa-Taala,**

Hutan perlu dipelihara kerana ianya merupakan benteng untuk mengurangkan hakisan semulajadi semasa hujan menyirami bumi. Pada masa kini, terdapat pelbagai bala bencana yang telah diturunkan oleh Allah Subhanahu wa-Taala untuk memberi peringatan kepada hamba-hamba yang mahu berfikir. Banjir besar, kemarau panjang, kebakaran hutan, jerebu, pencemaran sumber air dan sebagainya merupakan satu musibah yang telah berlaku sekiranya sumber alam persekitaran tidak dijaga dan dipelihara dengan sebaiknya.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Rum ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.